

12/01/1998

JKP ditubuh segera: Dr Koh

GEORGETOWN, Ahad - Kerajaan negeri akan menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan (JKP) secepat mungkin bagi membanteras gejala rasuah yang diarahkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, berkata JKP akan dilaksanakan segera di semua peringkat pentadbiran kerajaan negeri termasuk jabatan serta pihak berkuasa tempatan.

Katanya, JKP akan dilaksanakan sebaik sahaja surat rasmi mengenainya diterima dalam tempoh sedikit masa lagi daripada Kerajaan Pusat.

"Dengan adanya JKP seperti yang bentuk oleh kerajaan dapat memastikan usaha membanteras gejala rasuah dan penyelewengan di kalangan kakitangan awam ditangani dengan berkesan," katanya pada perasmian Bengkel dan Latihan Pilihan Raya anjuran Pemuda Gerakan Negeri.

Bengkel itu yang diadakan di Ibu pejabat Gerakan Pulau Pinang, dihadiri 100 ahli Pemuda Gerakan dan tiga kertas kerja dibentangkan berhubung pelaksanaan pilihan raya serta dan perjalanan jenteranya.

Dalam laporan akhbar semalam, Perdana Menteri, memberi tempoh sebulan kepada semua Menteri Besar, Ketua Menteri, ketua perkhidmatan dan jabatan kerajaan untuk menubuhkan JKP.

(END)